**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**
*(Ministry Of Education Malaysia)*
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
*(Human Resource Management Division)*
**ARAS 1-5 Dan 12-14, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62604 PUTRAJAYA**

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8883 6292
Laman Web : http://www.moe.gov.my

TERIMA
06 JAN 2012
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin
77000 Jasin, Melaka.

05 JAN 2012

Rujukan : KP(PP)SULIT 0002/18/8 JLD 4 (1)

Tarikh : 5 Januari 2012
11 Safar 1433H

| Untuk Tindakan/Maklumat/Perhatian | |
|---|---|
| PPD | |
| Timbalan PPD | – |
| KU P. Sekolah | |
| KU P. Akademik | |
| KU P. Kemanusiaan | |
| KU P. Islam/Moral | |
| KUP Pem. Bekalan | |
| KU Maklumat/ICT | |
| Peg. Kaunseling | |
| KU Kewangan | |
| KU Perkh./Tadbiran | |
| | |
| No. Fail : | |

**YBhg. Datuk Haji Mohamad Yusoff bin Osman**
Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Melaka
Jalan Istana, Bukit Beruang
**75902 Melaka.**

YBhg. Datuk,

**PELAKSANAAN KAJIAN PROGRAM PEMANTAPAN PROFESION GURU DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA FASA II DI SELURUH NEGERI MELAKA**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian YBhg. Datuk mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah bersetuju untuk menjalankan Kajian Program Pemantapan Profesion Guru di KPM yang bertujuan untuk mengkaji beban tugas guru, mengenal pasti permasalahan dari perspektif struktur perjawatan, perkhidmatan perguruan dan skim-skim lain yang terlibat.

3. Sebelum ini, kajian telah dilaksanakan terhadap 19 buah sekolah di daerah Melaka Tengah, dan dalam perbincangan antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah memutuskan supaya kajian ini diperluaskan lagi ke seluruh sekolah di Negeri Melaka.

Kusm
Kusr
Mohon tind. Maklum kpd PPD & sek

5/1/12

4. Untuk makluman YBhg. Datuk, sebanyak 15 pasukan petugas kajian telah ditubuhkah bagi memulakan kajian di Negeri Melaka seperti jadual berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Daerah Jasin | : | 9 – 11 Januari 2012; |
| Daerah Alor Gajah | : | 12 – 16 Januari 2012; dan |
| Daerah Melaka Tengah | : | 17 – 20 Januari 2012. |

Program Kajian Pemantapan yang bakal diadakan di seluruh Negeri Melaka akan melibatkan ke semua 310 buah di 3 buah daerah dengan penyertaan responden seramai 6,200 orang.

5. Sehubungan itu, jasa baik pihak YBhg. Datuk adalah dipohon untuk memaklumkan kepada semua PPD dan sekolah-sekolah di seluruh Negeri Melaka memberikan bantuan dan segala kerjasama dalam tempoh **(9 - 20 Januari 2012)** bagi memastikan kajian lapangan yang bakal dilaksanakan berjalan dengan lancarnya.

6. Di atas segala kerjasama yang YBhg. Datuk berikan di dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(RODZI BIN ZIN)**
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
☎ 03-88847867
03-88847840
rodzi.zin@moe.gov.my

s.k. :

SUB(SM)

Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin
Jalan Pegawai
77000 Jasin, Melaka.
} Untuk makluman Tuan/Puan

Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah Alor Gajah
78000 Alor Gajah, Melaka.

Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah
Leboh Ayer Keroh
Hang Tuah Jaya Suburb
Melaka 75450.

} Untuk makluman Tuan/Puan